

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	03 APRIL 2017

# Debat batal sebab ada pihak mahu sabotaj

BH - 3/4/2017

**Shah Alam:** Polis terpaksa membatalkan dialog antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, 7 April ini berikutan ada kumpulan yang mahu membuat kekacauan.

Perkara itu didedahkan Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk Mohd Fuad Abdul Latiff, yang mendakwa ia adalah hasil risikan pihaknya.

Beliau berkata, selain faktor itu, debat itu juga dibatalkan berikutan 18 laporan polis dibuat orang awam atas alasan kurang yakin daripada aspek keselamatan.

## **Polis siasat laporan**

“Kita akan menyiasat segala laporan yang dibuat oleh 18 individu dari daerah Klang, Petaling Jaya, Serdang dan Hulu Selangor. Sekiranya hanya dua laporan sahaja diterima, polis akan membenarkan dialog itu

tetapi disebabkan banyak laporan membantah, kita terpaksa batalkan,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Mohd Fuad berkata, polis akan menyiasat semua laporan serta hasil risikan yang dilakukan pihaknya mengikut Akta Perhimpunan Aman 2012.

Kelmarin polis membatalkan kebenaran pengajuran debat itu yang dijadualkan diadakan di Kompleks Karang-kraf, Shah Alam pada Jumaat ini.

Sebelum ini, debat antara kedua-dua tokoh politik itu di Padang Rengas, Perak pada 25 Mac lalu turut dibatalkan atas faktor keselamatan.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) Selangor, Tan Sri Abu Hassan Omar, berkata debat antara bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan bekas Pegawai Khas Politikanya, Haris Che Mat perlu dibatalkan.